



“MENANGANI GEJALA SOSIAL”

الْحَمْدُ لِلَّهِ الْقَائِلِ : كُنْتُمْ خَيْرَ أُمَّةٍ أُخْرِجَتْ لِلنَّاسِ
تَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ وَتَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ
وَتُؤْمِنُونَ بِاللَّهِ ^{قُل} وَلَوْ ءَامَنَ أَهْلُ الْكِتَابِ لَكَانَ
خَيْرًا لَهُمْ ^ج مِنْهُمْ الْمُؤْمِنُونَ وَأَكْثَرُهُمُ الْفَاسِقُونَ



تَعَالَى: يَا أَيُّهَا الَّذِينَ ءَامَنُوا اتَّقُوا اللَّهَ حَقَّ تُقَاتِهِ وَلَا
تَمُوتُنَّ إِلَّا وَأَنْتُمْ مُسْلِمُونَ.



Muslimin yang dirahmati Allah SWT,

Saya menyeru agar kita bersama-sama meningkatkan ketakwaan kita kepada Allah subhanahu wataala dengan melaksanakan segala perintahnya dan meninggalkan segala larangannya. Marilah kita memperbanyakkan zikir kepada Allah s.w.t. dan memperbanyakkan selawat serta salam keatas junjungan besar Nabi Muhammad saw di samping sentiasa berusaha melaksanakan segala sunnahnya. Mudah-mudahan ianya akan memberikan manfaat kepada kita di dunia dan di akhirat.

Khutbah pada kali ini mendorong kita agar sama-sama berusaha untuk "Menangani Gejala Sosial".

Sidang jumaat yang dirahmati Allah SWT ,

Gejala sosial merupakan permasalahan yang banyak melibatkan golongan muda mudi pada masa ini. Penglibatan mereka dalam aktiviti-aktiviti negatif dibimbangi boleh menjejaskan perkembangan dan kemajuan ummah pada masa akan datang contohnya seperti kes-kes zina, rogol, bunuh dan ragut yang sering dipaparkan dalam media hari ini. Antara faktor penting yang menyebabkan berlakunya permasalahan sosial ini adalah kerana lemah dan kosongnya jiwa individu itu sendiri. Jiwa yang tidak diisi dengan iman, akan memberikan ruang kepada iblis dan syaitan untuk menggoda manusia kearah melakukan perkara-perkara keji, sehingga akhirnya mereka lupa akan tanggungjawab terhadap Allah SWT.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Mujadalah ayat ke 19 :



أَسْتَحْوَذَ عَلَيْهِمُ الشَّيْطَانُ فَأَنسَهُمْ ذِكْرَ اللَّهِ عُلُوكَ أَوْلِيكَ
حِزْبُ الشَّيْطَانِ إِلَّا إِنَّا حِزْبُ الشَّيْطَانِ هُمُ الْخَاسِرُونَ



"Syaitan telah menguasai dan mempengaruhi mereka, sehingga menyebabkan mereka lupa mengingati (ajaran dan amaran) Allah; mereka itulah puak syaitan. Ketahuilah! bahawa puak syaitan itu sebenarnya orang-orang yang rugi".

Sidang jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Penglibatan anak-anak muda hari ini dalam permasalahan sosial juga adalah disebabkan oleh hubungan kekeluargaan yang tidak baik. Kajian-kajian yang telah dijalankan menunjukkan bahawa antara punca berlakunya masalah sosial ini adalah disebabkan oleh krisis rumahtangga yang membawa kepada perceraian ibubapa. Untuk rekod di negeri Selangor sahaja, sebanyak 6,028 kes perceraian telah dicatatkan sepanjang tahun 2013, dan ini menunjukkan betapa kritikalnya masalah anak-anak yang terbiar disebabkan perceraian ibubapa mereka.

Selain dari itu, kesilapan dalam memilih rakan pula adalah antara penyebab rosaknya akhlak dan budi pekerti anak-anak muda kita. Ini ditambah lagi dengan kemudahan-kemudahan yang tidak terkawal di persekitaran mereka seperti siber kafe, pusat-pusat hiburan dan lain-lain lagi. Beberapa serbuan yang dilakukan oleh pihak berkuasa keatas pusat-pusat



hiburan yang beroperasi secara haram menunjukkan bahawa kebanyakan pengunjunnya adalah terdiri dari kalangan belia dan remaja.

Oleh kerana itu, semua pihak di negara kita perlu melakukan usaha yang maksimum dalam menangani gejala sosial yang merosakkan kehidupan umat Islam pada hari ini.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

"Sesiapa di kalangan kamu yang melihat sesuatu kemungkaran maka hendaklah dia mencegah dengan tangannya, jika dia tidak mampu maka cegahlah dengan lisannya dan jika tidak mampu juga maka cegahlah dengan hatinya, yang demikian itu adalah selemah-lemah iman."

(Riwayat Muslim).

Sidang jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Gejala sosial yang berlaku pada hari ini pasti dapat ditangani dengan baik sekiranya kita kembali kepada ajaran al-Quran dan Sunnah Nabi SAW. Ini kerana al-Quran mengandungi panduan untuk merangka sistem dan peraturan yang paling lengkap dalam menyelesaikan segala persoalan dan pemasalahan yang berlaku di kalangan umat manusia.

Sebagai langkah untuk membendung masalah sosial di peringkat awal, ibubapa mestilah berusaha membentuk akhlak anak-anak dengan menerapkan nilai-nilai ajaran agama. Dalam hal ini, perkara yang perlu dititik beratkan adalah ibadah solat kerana ia mampu menghalang mereka daripada terlibat dengan masalah-masalah sosial.



Ini bersesuaian dengan hadis Nabi SAW yang berpesan agar kita mengajarkan anak-anak dengan ibadah solat sebagaimana sabdanya yang bermaksud :

"Suruhlah anak-anak kamu solat apabila usia mereka tujuh tahun dan pukullah mereka sekiranya tidak mahu solat apabila usia mereka sepuluh tahun dan asingkanlah mereka dari tempat tidur."

(Riwayat Abu Daud).

Dalam usaha menangani gejala sosial, budaya nasihat menasihati antara sesama insan juga perlu diterapkan di kalangan masyarakat. Ini kerana tanggungjawab menasihati orang lain adalah merupakan satu kewajipan yang dituntut dalam Islam.

Firman Allah SWT di dalam surah al-Asr ayat 1 - 3 :

وَالْعَصْرِ ﴿١﴾
إِنَّ الْإِنْسَانَ لِفِي خُسْرٍ ﴿٢﴾
إِلَّا
الَّذِينَ ءَامَنُوا وَعَمِلُوا الصَّالِحَاتِ وَتَوَاصَوْا بِالْحَقِّ
وَتَوَاصَوْا بِالصَّبْرِ ﴿٣﴾

"Demi masa! Sesungguhnya manusia itu dalam kerugian. Kecuali orang-orang yang beriman dan beramal soleh, dan mereka pula berpesan-pesan dengan kebenaran serta berpesan-pesan dengan sabar".

Sikap suka menasihati atas perkara kebenaran ini menunjukkan betapa masyarakat Islam khasnya amat mengambil berat tentang saudara selamlannya yang lain. Dengan menegur kesilapan dan menasihati anak-anak yang terlibat dengan gejala sosial ini, sekurang-kurangnya dapat memberikan



ruang kepada mereka untuk memikirkan kesilapan yang telah dilakukan, lantas mendorong mereka untuk kembali semula ke pangkal jalan.

Sidang jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Penguatkuasaan undang-undang yang berkaitan perjudian, hiburan, peraturan jalanraya dan yang seumpamanya juga perlu diberikan perhatian dalam usaha membendung gejala sosial yang ada pada hari ini. Sebagai contoh, tidak dinafikan bahawa sesetengah pengguna jalanraya hari ini menjadikan jalanraya sebagai tempat untuk berlumba motor, merempit dan melakukan aksi-aksi yang membahayakan diri mereka dan orang lain. Justeru, tidaklah menghairankan apabila ada laporan yang menyebutkan bahawa 60 peratus daripada sejumlah 70,000 kemalangan jalanraya sepanjang tahun adalah melibatkan penunggang motosikal. Sememangnya peraturan dan undang-undang yang disediakan adalah bertujuan untuk mendisiplinkan masyarakat, menjaga ketenteraman awam dan mencegah aktiviti-aktiviti songsang yang merosakkan nilai-nilai kemanusiaan. Akan tetapi, apabila peraturan dan undang-undang ini tidak dipatuhi, maka sudah pasti akan membuka ruang kepada berlakunya gejala-gejala sosial seperti merempit di jalanraya, pembuangan anak zina, perjudian, pembunuhan dan lain-lain lagi. Oleh kerana itu, setiap peraturan dan undang-undang yang dilaksanakan, adalah menjadi kewajipan kepada kita semua untuk mematuhinya.

Firman Allah SWT dalam surah al-Maidah ayat 50 ;

أَفْحُكْمَ الْجَاهِلِيَّةِ يَبْغُونَ^ج وَمَنْ أَحْسَنُ مِنَ اللَّهِ
حُكْمًا لِقَوْمٍ يُوقِنُونَ



"Patutkah mereka berkehendak lagi kepada hukum-hukum jahiliyah? padahal tidak ada sesiapa yang boleh membuat hukum yang lebih baik daripada Allah kepada orang-orang yang penuh keyakinan".

Sidang jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Terjerumusny anak-anak muda hari ini dengan gejala sosial, antaranya adalah berpunca daripada kurangnya didikan agama. Justeru, institusi-institusi pendidikan juga mempunyai peranan yang penting dalam mendidik generasi hari ini kearah memenuhi harapan bangsa dan negara. Bukan sekadar menyediakan keperluan duniawi, tetapi juga mereka perlu dibekalkan dengan keperluan ukhrawi yang benar-benar dapat membina jati diri mereka.

Dalam masa yang sama, para pendidik pula perlu menunjukkan contoh teladan yang baik agar dapat dijadikan panduan kepada mereka apabila sudah menjejakkan kaki di alam pekerjaan. Lihatlah bagaimana Rasulullah SAW telah menjadikan dirinya sebagai guru yang terbaik untuk diikuti oleh para sahabat sehingga akhirnya mereka menjadi insan-insan yang disanjung sepanjang zaman.

Sesungguhnya, usaha menangani gejala sosial yang semakin parah ini bukan hanya terletak di bahu individu-individu tertentu sahaja, sebaliknya ia memerlukan kerjasama yang padu daripada semua pihak termasuklah badan-badan bukan kerajaan dan juga golongan yang lebih professional.

Sabda Rasulullah SAW yang bermaksud :

"Setiap daripada kamu adalah pemimpin dan setiap daripada kamu adalah bertanggungjawab atas rakyat yang kamu pimpin."



(Riwayat Bukhari).

Sidang jumaat yang dirahmati Allah SWT,

Sebagai kesimpulannya, marilah kita bersama-sama menggembleng seluruh tenaga kita untuk menunaikan tanggungjawab-tanggungjawab yang berikut ;

1. Mempertingkatkan kefahaman umat terhadap isi ajaran Islam yang sebenar bagi menjamin kesejahteraan hidup di dunia dan akhirat.
2. Berusaha mematuhi segala peraturan dan undang-undang yang dapat memelihara keharmonian di kalangan masyarakat.
3. Bersama-sama masyarakat untuk berganding bahu dalam mencegah segala bentuk kemungkaran yang berlaku di sekeliling kita.
4. Menutup semua ruang dan peluang yang boleh mendorong anak-anak muda kita melakukan aktiviti-aktiviti yang negatif.
5. Ahli masyarakat daripada kalangan dewasa hendaklah menunjukkan contoh dan ikutan yang baik kepada generasi muda hari ini.

Mudah-mudahan segala usaha murni yang kita lakukan pada hari ini akan dapat menyelamatkan diri kita dan juga anak bangsa kita daripada terjebak dalam perkara-perkara mungkar yang dibenci oleh Allah SWT.

أَعُوذُ بِاللَّهِ مِنَ الشَّيْطَانِ الرَّجِيمِ
وَلَتَكُنَّ مِنْكُمْ أُمَّةٌ يَدْعُونَ إِلَى الْخَيْرِ وَيَأْمُرُونَ بِالْمَعْرُوفِ
وَيَنْهَوْنَ عَنِ الْمُنْكَرِ وَأُولَئِكَ هُمُ الْمُفْلِحُونَ ﴿١٠٤﴾



"Dan hendaklah ada di antara kamu satu puak yang menyeru (berdakwah) kepada kebajikan (mengembangkan Islam), dan menyuruh berbuat segala perkara yang baik, serta melarang daripada segala yang salah (buruk dan keji). dan mereka yang bersifat demikian ialah orang-orang yang berjaya".

(Ali-Imran-104).

بَارَكَ اللهُ لِيْ وَلَكُمْ بِالْقُرْآنِ الْعَظِيمِ،
وَنَفَعَنِيْ وَإِيَّاكُمْ بِمَا فِيْهِ مِنَ الْآيَاتِ وَالذِّكْرِ
الْحَكِيمِ وَتَقَبَّلَ مِنِّيْ وَمِنْكُمْ تِلَاوَتَهُ، إِنَّهُ هُوَ
السَّمِيعُ الْعَلِيمُ.

أَقُولُ قَوْلِيْ هَذَا وَأَسْتَغْفِرُ اللهَ الْعَظِيمَ لِيْ
وَلَكُمْ وَلِسَائِرِ الْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ،
فَاسْتَغْفِرُوهُ إِنَّهُ هُوَ الْغَفُورُ الرَّحِيمُ.



KHUTBAH KEDUA

الْحَمْدُ لِلَّهِ الَّذِي جَعَلَنَا مِنَ الْمُسْلِمِينَ، وَرَزَقَنَا
مِنَ الطَّيِّبَاتِ. أَشْهَدُ أَنْ لَا إِلَهَ إِلَّا اللَّهُ وَحْدَهُ،
لَا شَرِيكَ لَهُ، وَأَشْهَدُ أَنَّ مُحَمَّدًا عَبْدُهُ،
وَرَسُولُهُ. اللَّهُمَّ صَلِّ وَسَلِّمْ وَبَارِكْ عَلَى سَيِّدِنَا
مُحَمَّدٍ وَعَلَى آلِهِ وَصَحْبِهِ وَمَنْ تَبِعَهُمْ
بِإِحْسَانٍ إِلَى يَوْمِ الدِّينِ. أَمَّا بَعْدُ، فَيَا عِبَادَ اللَّهِ،
اتَّقُوا اللَّهَ فَقَدْ فَازَ الْمُتَّقُونَ. قَالَ اللَّهُ تَعَالَى: إِنَّ
اللَّهَ وَمَلَائِكَتَهُ يُصَلُّونَ عَلَى النَّبِيِّ يَا أَيُّهَا الَّذِينَ
آمَنُوا صَلُّوا عَلَيْهِ وَسَلِّمُوا تَسْلِيمًا. اللَّهُمَّ صَلِّ
وَسَلِّمْ عَلَى سَيِّدِ الْمُرْسَلِينَ وَارْضَ اللَّهُمَّ عَنْ
أَصْحَابِهِ وَقَرَابَتِهِ وَأَزْوَاجِهِ وَذُرِّيَّاتِهِ أَجْمَعِينَ.
اللَّهُمَّ اغْفِرْ لِلْمُسْلِمِينَ وَالْمُسْلِمَاتِ وَالْمُؤْمِنِينَ



وَالْمُؤْمِنَاتِ الْأَحْيَاءِ مِنْهُمْ وَالْأَمْوَاتِ ، إِنَّكَ
سَمِيعٌ قَرِيبٌ مُجِيبُ الدَّعَوَاتِ وَيَا قَاضِيَ
الْحَاجَاتِ . اللَّهُمَّ إِنَّا نَسْأَلُكَ وَنَتَوَسَّلُ إِلَيْكَ
بِنَبِيِّكَ الْأَمِينِ ، وَنَسْأَلُكَ بِأَسْمَائِكَ الْحُسْنَى
وَصِفَاتِكَ الْعُظْمَى أَنْ تَحْفَظَ بَعَيْنِ عِنَايَتِكَ
الرَّبَّانِيَّةِ وَبِحِفْظِ وَقَايَتِكَ الصَّمَدَانِيَّةِ ، جَلَالَةَ
مَلِكِنَا الْمُعَظَّمِ سُلْطَانَ سَلَاعُورِ ، سُلْطَانَ شَرَفِ
الدِّينِ اِدْرِيسِ شَاهِ الْحَاجِ ابْنِ الْمَرْحُومِ سُلْطَانَ
صَلَاحِ الدِّينِ عَبْدِ الْعَزِيزِ شَاهِ الْحَاجِ . اللَّهُمَّ
أَدِمِ الْعُونَ وَالْهُدَايَةَ وَالتَّوْفِيقَ ، وَالصِّحَّةَ
وَالسَّلَامَةَ مِنْكَ ، لَوْلِيَّ عَهْدِ سَلَاعُورِ ، تَعَكُّو
أَمِيرِ شَاهِ ابْنِ السُّلْطَانَ شَرَفِ الدِّينِ اِدْرِيسِ



شَاهِ الْحَاجَّ فِي أَمْنٍ وَصَلَاحٍ وَعَافِيَةٍ بِمَنِّكَ
وَكَرَمِكَ يَا ذَا الْجَلَالِ وَالْإِكْرَامِ. اللَّهُمَّ أَطِلْ
عُمْرَهُمَا مُصْلِحِينَ لِلْمُوظَّفِينَ وَالرَّعِيَّةِ وَالْبِلَادِ،
وَبَلِّغْ مَقَاصِدَهُمَا لِطَرِيقِ الْهُدَى وَالرَّشَادِ.

رَبَّنَا هَبْ لَنَا مِنْ أَزْوَاجِنَا وَذُرِّيَّتِنَا قُرَّةَ أَعْيُنٍ
وَأَجْعَلْنَا لِلْمُتَّقِينَ إِمَامًا. رَبَّنَا ءَاتِنَا فِي الدُّنْيَا
حَسَنَةً وَفِي الْآخِرَةِ حَسَنَةً وَقِنَا عَذَابَ النَّارِ. عِبَادَ
اللَّهِ، إِنَّ اللَّهَ يَأْمُرُ بِالْعَدْلِ وَالْإِحْسَانِ وَإِيتَايَ ذِي
الْقُرْبَىٰ وَيَنْهَىٰ عَنِ الْفَحْشَاءِ وَالْمُنْكَرِ وَالْبَغْيِ
يَعِظُكُمْ لَعَلَّكُمْ تَذَكَّرُونَ ﴿٩٠﴾



فَاذْكُرُوا اللَّهَ الْعَظِيمَ يَذْكُرْكُمْ وَاشْكُرُواهُ عَلَىٰ
نِعْمِهِ يَزِدْكُمْ، وَاسْأَلُوهُ مِنْ فَضْلِهِ يُعْطِكُمْ
وَلَذِكْرُ اللَّهِ أَكْبَرُ وَاللَّهُ يَعْلَمُ مَا تَصْنَعُونَ.

JAIS/Nurul
12.08.2014